

Mahathir tinjau projek pembangunan Langkawi

BH 13 JAN 21 3 JAN 2002

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa lebih dua jam meninjau kemajuan pelbagai projek pembangunan di pulau perangan ini, petang semalam.

Sebelum itu, ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, dengan pesawat khas, disambut Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di sini.

Dr Mahathir kemudian meninjau projek pemulihan

Pantai Kok di Teluk Burau yang menelan belanja RM29.6 juta dan pembentukan dua pulau buatan manusia yang menjadi benteng penahan ombak bagi mencegah hakisan pantai itu.

Projek Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu akan menjadikan Teluk Burau sebuah pusat pertumbuhan ekonomi yang lengkap dengan pelbagai kemudahan untuk orang ramai termasuk taman rekreasi dan pusat membeli belah.

Dr Mahathir kemudian meninjau kemajuan projek perkhidmatan kereta kabel di Teluk Burau.

Projek bernilai kira-kira RM45 juta itu kini telah siap 70 peratus yang dijalankan secara usahasama oleh Doppel-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

Ia dijangka beroperasi April tahun depan yang menghubungkan kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Perdana Menteri dan isteri kemudian melawat limbu- ngan membina dan memperbaiki kapal layar di Tanjung Lembung di sini.

Projek usahasama antara Penang Shipbuilding and

Construction Sdn Bhd (PSC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di kawasan seluas 4.8 hektar itu menyediakan kemudahan moden untuk membina, membaikpulih dan menyenggara kapal layar dan kapal mewah.

Han ini, Dr Mahathir dijangka meninjau beberapa projek lain termasuk projek pemulihan Kuala Sungai Melaka dan penambahan bilik di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di Teluk Burau.

Dr Mahathir dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.